

TAKLIMAT SEBUT HARGA
CADANGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL HAYAT BERKELOMPOK UNTUK
PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
PPj/SH(S)/JW/26/2023

DOKUMEN SEBUT HARGA



8 Mei 2023 hingga 11 Mei 2023



Harga Jualan : RM 10.00



Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga,
Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks
Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran
Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya



Berdaftar Kementerian Kewangan
kod bidang 221801 (Syarikat Insurans)



Lesen Takaful Keluarga

NOTIS SEBUT HARGA IKLAN 5 MEI 2023



NOTIS SEBUT HARGA PERBADANAN PUTRAJAYA

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)JW/26/2023

Tajuk Sebut Harga:

CADANGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL HAYAT BERKELOMPOK UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221801 (Syarikat Insurans) dan mempunyai lesen Takaful Keluarga untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kehadiran Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada 08 Mei 2023 hingga 11 Mei 2023 dengan bayaran secara tunai sebanyak RM10.00 di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Syarikat dikehendaki membawa satu (1) salinan sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan satu (1) salinan Lesen Takaful Keluarga. Wakil syarikat adalah diwajibkan untuk membawa Surat Wakil Kuasa (Asal) yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan seperti dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan untuk membeli dokumen sebut harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam 12.00 tengah hari pada 16 Mei 2023 (Selasa).
6. Syarikat yang ingin berurus di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SUHAILA BINTI ELEAS)
NAIB PRESIDEN
Jabatan Kewangan
Perbadanan Putrajaya

SKOP KERJA




- 01** Tawaran ini adalah untuk perlantikan Syarikat Takaful yang menawarkan perkhidmatan perlindungan takaful hayat untuk Perbadanan bagi tempoh satu tahun (2023 - 2024).
- 02** Tawaran ini adalah untuk polisi perlindungan takaful hayat berkelompok.
- 03** Syarikat Takaful yang berjaya dilantik dikehendaki berurusan dengan Pihak Broker yang dilantik oleh Perbadanan iaitu Sime Darby Lockton Insurance Broker Sdn. Bhd.
- 04** Syarikat Takaful yang berjaya dilantik dikehendaki memberikan perkhidmatan perlindungan takaful sebagaimana yang dinyatakan pada *broking slips* dan hendaklah mengemukakan polisi yang telah diperolehi kepada Perbadanan dengan kadar segera. Pembayaran bagi perlindungan takaful tersebut hanya akan dibuat setelah Perbadanan menerima invois / nota debit daripada Syarikat Takaful.

SKOP KERJA



- 05** Syarikat Takaful hendaklah menyediakan perkhidmatan menyeluruh dalam pengurusan takaful ini bagi pihak Perbadanan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi.
- 06** Syarikat Takaful bertanggungjawab mengurus tuntutan dan menjelaskan bayaran kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari kalender dari tarikh dokumen lengkap diterima.
- 07** Dokumen kontrak hendaklah ditandatangani oleh Syarikat Takaful yang dilantik.



TARIKH & WAKTU TUTUP SEBUT HARGA

16 Mei 2023 (Selasa)
12.00 Tengah hari

Sampul Surat Berlakri serta bertanda dengan **nombor sebut harga dan tajuk sebut harga**, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di:

Seksyen Perolehan, Jabatan Kewangan,
Aras 3, Bangunan Annexe,
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana, Presint 3,
62675 Putrajaya





TERIMA KASIH
PERBADANAN PUTRAJAYA